

Kempen Penebusan & Peraduan Dugro® Sure Plus Beli & Tebus – Terma dan Syarat Rasmi

Sila baca Terma dan Syarat ini dengan teliti sebelum anda menyertai “**Kempen Penebusan & Peraduan Dugro® Sure Plus Beli & Tebus**” yang dianjurkan oleh **Dugro® Sure Plus**. Dugro® Sure Plus ialah jenama susu tepung rumusan untuk kanak-kanak yang dijual oleh **Danone Specialized Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd.** (“Syarikat”). Dengan menyertai Peraduan ini, anda (“Peserta”) dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta mematuhi sepenuhnya. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan mana-mana Terma dan Syarat ini, anda dinasihatkan untuk **tidak menyertai Penebusan & Peraduan ini**.

TARIKH PENYERTAAN PENEBUSAN & PERADUAN

1. Penebusan & Peraduan dan ini akan bermula dari **1 Januari 2026 hingga 28 Februari 2026** (“Tempoh Penebusan & Peraduan”). Tarikh akhir penghantaran penyertaan adalah pada **28 Februari 2026, jam 11:59 malam**.
2. Penebusan & Peraduan ini terdiri daripada dua (2) peringkat seperti berikut:
 - i. Peringkat 1: Kempen Dugro® Sure Plus Beli & Tebus (“Penebusan”)
 - ii. Peringkat 2: Peraduan Eksklusif untuk cawangan *Lotus’s* (“Kedai Penyertaan”). (“Peraduan”)
3. Bagi Peringkat 1, jumlah nilai penebusan maksimum sebanyak RM28,000 akan diberikan bagi semua Kedai Penyertaan di seluruh negara. Setelah had ini dicapai, barangan penebusan tidak lagi akan disediakan.
4. Bagi Peringkat 2, maksimum lima (5) orang Pemenang (“Pemenang”) akan dipilih pada akhir Tempoh Peraduan.

KELAYAKAN PENYERTAAN

1. Penebusan & Peraduan ini terbuka hanya kepada warganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia yang mempunyai nombor mudah alih dan alamat berdaftar yang sah di Malaysia, serta berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh penyertaan.
2. Pembelian mana-mana Produk Penyertaan berikut adalah diperlukan untuk menyertai Peraduan ini:

A. Dugro® Sure Plus

B. Dugro® Sure

3. Pembekal kepada Danone Specialized Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd., termasuk ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik serta pasangan masing-masing, tanpa mengira tempat kediaman), atau mana-mana individu yang tinggal dalam rumah tangga yang sama (sama ada mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak), serta syarikat induk, anak syarikat, sekutu, pembekal hadiah, pengedar, dan agensi pengiklanan atau promosi yang berkaitan tidak layak untuk menyertai atau menuntut sebarang hadiah di bawah terma Peraduan ini.

PENYERTAAN PENEBUSAN & PERADUAN

1. Cara Penyertaan:

i. Peringkat 1 Penebusan – Kempen Dugro® Sure Plus Beli & Tebus

Untuk menyertai kempen ini, Peserta hendaklah mengikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Beli mana-mana Produk Penyertaan untuk menyertai Kempen ini.

Pembelian RM60 dan ke atas melayakkan Peserta untuk menebus RM5 TnG eWallet.

Pembelian RM100 dan ke atas melayakkan Peserta untuk menebus RM10 TnG eWallet.

Langkah 2: Imbas kod QR yang terdapat pada mana-mana bahan promosi di tempat jualan untuk menyertai Penebusan melalui WhatsApp.

Langkah 3: Daftar menggunakan nombor mudah alih Malaysia dan alamat e-mel yang sah.

Langkah 4: Muat naik resit pembelian mengikut langkah-langkah yang dinyatakan melalui WhatsApp mesej. Pastikan jumlah pembelian, item yang dibeli, tarikh resit, nombor resit, dan nama kedai dapat dilihat dengan jelas pada imej resit tersebut.

ii. Peringkat 2 Peraduan– Peraduan Eksklusif untuk Cawangan *Lotus's

Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta hendaklah mengikut langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Beli mana-mana Produk Penyertaan dari Kedai Penyertaan Lotus's dengan nilai pembelian RM60 dan ke atas.

Langkah 2: Imbas kod QR yang terdapat pada mana-mana bahan promosi di tempat jualan untuk menyertai peraduan melalui WhatsApp mesej.

Langkah 3: Daftar menggunakan nombor mudah alih Malaysia dan alamat e-mel yang sah.

Langkah 4: Muat naik resit pembelian mengikut langkah-langkah yang dinyatakan melalui WhatsApp. Pastikan jumlah pembelian, item yang dibeli, tarikh resit, nombor resit, dan nama kedai dapat dilihat dengan jelas pada imej resit tersebut.

Langkah 5: Maksimum lima (5) orang Pemenang ("Pemenang") akan dipilih pada akhir Tempoh Peraduan & Penebusan.

2. Resit yang dihantar oleh Peserta akan disahkan dalam tempoh lima (5) hari bekerja, dan satu pemberitahuan akan dihantar kepada Peserta melalui WhatsApp setelah resit tersebut diluluskan atau ditolak.
3. Penyertaan Peraduan akan dianggap diterima pada masa penghantaran ke microsite oleh Danone Specialized Nutrition, dan bukan pada masa penghantaran oleh Peserta. Danone Specialized Nutrition tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan atau kegagalan penghantaran penyertaan atas apa jua sebab.
4. Bukti pembelian tidak diperlukan semasa menghantar penyertaan Peraduan. Walau bagaimanapun, bukti pembelian diperlukan sekiranya penyertaan anda disenarai pendek sebagai salah seorang Pemenang. Oleh itu, untuk melayakkan diri sebagai Pemenang, Peserta hendaklah menyimpan dan mengemukakan salinan bukti pembelian apabila diminta oleh pihak Syarikat.
5. Danone Specialized Nutrition berhak sepenuhnya untuk membatalkan mana-mana penyertaan Peraduan atas apa jua sebab, mengikut budi bicara mutlak. Sebarang penyertaan atau bahan penyertaan yang telah diubah suai atau diganggu gugat akan dianggap tidak sah. Sekiranya Danone Specialized Nutrition menentukan, mengikut budi bicara mutlak, bahawa terdapat sebarang cubaan penggodaman elektronik atau gangguan teknikal yang menjejaskan integriti Peraduan, Syarikat berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang terlibat atau menjadi punca gangguan tersebut dan/atau menamatkan Peraduan lebih awal, serta hadiah akan diberikan kepada penyertaan yang layak seterusnya yang diterima sebelum tarikh penamatan. Sekiranya Peraduan ditamatkan lebih awal akibat gangguan teknikal atau penggodaman sebelum tamat Tempoh Peraduan, satu notis rasmi akan dipaparkan di Laman Facebook rasmi.
6. Danone Specialized Nutrition juga berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati mengganggu perjalanan Peraduan atau laman web berkaitan, atau yang melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini.
7. Setiap Peserta dengan ini memberikan kebenaran dan hak kepada Danone Specialized Nutrition untuk menggunakan penyertaan yang dihantar oleh Peserta, termasuk semua gambar, video, rakaman, penerangan atau kandungan lain yang dikemukakan oleh Peserta selaras dengan Peraduan ini ("Kandungan Dihantar"), dalam apa jua bentuk dan media tanpa had tempoh masa, bagi sebarang tujuan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan kepada Peserta.

MEKANIK PNEBUSAN, PERADUAN DAN HADIAH

1. Rujuk Jadual 1 di bawah untuk peringkat penebusan, peraduan dan hadiah:

Kedai Penyertaan	Jumlah Pembelian Minimum (RM)	Ganjaran Touch 'n Go (RM)	Layak Untuk Peraduan	Hadiah	Kuantiti	Nilai Seunit (RM)
Nationwide	60	5	No			
	100	10				
Lotus's	60	5	Yes	Morphy Richards Multifunction Cooking Pot (Assorted)	5	659
	100	10				

Jadual 1 – Ringkasan Kempen

(Penebusan dan hadiah tertera diatas adalah tertakluk kepada pindaan berdasarkan arahan Syarikat.)

2. Setiap resit yang telah disahkan dan diluluskan akan dikira sebagai satu (1) penyertaan resit dan akan menyumbang kepada jumlah keseluruhan penyertaan yang layak dimuat naik ke dalam microsite peraduan.
3. Peserta boleh menebus maksimum satu (1) penebusan sahaja setelah resit yang dimuat naik adalah sah dan memenuhi kriteria penyertaan. Tambahan pula, setiap Peserta hanya dibenarkan menang sekali sahaja bagi hadiah eksklusif daripada kedai penyertaan.
4. Hanya resit yang sah dan lengkap dengan butiran pembelian yang jelas serta penerangan produk akan diterima.
 - Resit bertulis tangan hendaklah disertakan dengan cop rasmi kedai.
 - Resit yang tidak jelas, rosak, diubah suai, digandakan, atau mengandungi kesilapan percetakan atau penulisan tidak akan diterima.
 - Bagi pembelian dalam talian, e-invois rasmi diperlukan.
 - Resit mesti memaparkan dengan jelas: jumlah pembelian, item dibeli, tarikh resit, nombor resit, dan nama kedai.
 Peserta juga hendaklah dapat mengemukakan tangkapan skrin (screenshot) seperti yang diminta oleh Danone Specialized Nutrition sekiranya dihubungi. Danone Specialized Nutrition berhak sepenuhnya untuk membatalkan mana-mana resit yang tidak sah tanpa notis awal.
5. Danone Specialized Nutrition dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara terhadap sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan mesej WhatsApp yang dihantar, serta tidak akan bertanggungjawab atas sebarang penggunaan tidak sah telefon mudah alih yang digunakan berkaitan dengan Peraduan ini.
6. Bagi semua Hadiah yang dihantar terus kepada Pemenang, bukti penghantaran akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan penyerahan hadiah. Danone Specialized Nutrition akan mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya tetapi tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah tidak diterima atau diterima lewat.
7. Mesej kelulusan ganjaran Touch 'n Go akan dihantar kepada Peserta melalui WhatsApp. Peserta hendaklah menyemak mesej WhatsApp mereka untuk menebus ganjaran Touch 'n Go. Syarikat akan mengambil langkah berjaga-jaga yang wajar tetapi tidak akan bertanggungjawab sekiranya ganjaran Touch 'n Go tidak diterima atau diterima lewat.
8. Danone Specialized Nutrition berhak sepenuhnya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara pada bila-bila masa tanpa notis awal. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua bentuk atas sebarang sebab. Semua hadiah diberikan berdasarkan "seadanya" ("as is").
9. Hadiah akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh Pemenang kepada Danone Specialized Nutrition, dan sekiranya hadiah tersebut dipulangkan, tidak dihantar atau Pemenang mendakwa tidak menerimanya selepas tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh pengumuman atau notis kepada Pemenang, Danone Specialized Nutrition tidak mempunyai kewajiban untuk menggantikan atau menghantar semula hadiah tersebut. Penghantaran hadiah terhad kepada alamat di Malaysia sahaja.
10. Pemenang dinasihatkan untuk memeriksa hadiah sebaik sahaja diterima. Hadiah yang rosak dan/atau tidak berfungsi hendaklah dipulangkan dengan segera dalam bungkusan asalnya dalam tempoh satu (1) minggu selepas penerimaan, atas tanggungan kos Pemenang sendiri. Danone Specialized Nutrition tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang hadiah yang rosak, hilang, musnah dan/atau dicuri sekiranya kerosakan, kehilangan atau kecurian tersebut berlaku semasa penghantaran atau akibat kecuai Pemenang. Sebarang hadiah gantian adalah tertakluk kepada ketersediaan stok.
11. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, segala bentuk jaminan atau perwakilan terhadap hadiah adalah dikecualikan sepenuhnya. Danone Specialized Nutrition tidak memberi sebarang jaminan terhadap kebolehdagangan hadiah, kesesuaian untuk sebarang tujuan, atau kualiti perkhidmatan berkaitan dengan hadiah. Semua hadiah diberikan berdasarkan prinsip "seadanya" ("as is").

PEMILIHAN PEMENANG

1. Danone Specialized Nutrition akan memilih maksimum lima (5) orang Pemenang selepas tempoh kempen berakhir seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah seksyen "Mekanik Peraduan dan Hadiah", berdasarkan Kriteria Penyertaan dan Kriteria Pemilihan.
2. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan secara automatik. Penyertaan dianggap lengkap apabila semua keperluan yang dinyatakan dalam Klausa (1 hingga 7) di bawah "Penyertaan Peraduan" telah dipenuhi, tanpa mengira susunan.
3. **Kriteria Pemilihan:** Tertakluk kepada Terma dan Syarat Peraduan ini, Pemenang yang layak akan dipilih oleh Danone Specialized Nutrition melalui penyertaan yang sah dan lengkap di microsite.
4. **Kaedah Pemilihan Pemenang:** Pemenang akan dipilih berdasarkan selang tetap (fixed interval). Secara khususnya, setiap penyertaan resit yang ke-35 yang disahkan dan layak semasa tempoh peraduan akan dipilih sebagai pemenang (contohnya penyertaan ke-35, ke-70, ke-105 dan seterusnya) sehingga semua hadiah telah ditebus sepenuhnya.
5. **Tarikh Pengumuman Pemenang:** Pengumuman rasmi Pemenang akan dibuat pada 31 Mac 2026. Peserta boleh melihat senarai nama pemenang melalui Halaman Facebook Rasmi Dugro@Pemenang juga akan menerima notifikasi rasmi melalui WhatsApp untuk mengesahkan kemenangan mereka. Untuk tujuan penghantaran hadiah, Pemenang perlu memberikan butiran lengkap termasuk nama penuh, nombor telefon, dan alamat penghantaran rumah apabila diminta.
6. Danone Specialized Nutrition berhak untuk meminta bukti umur bagi mana-mana Pemenang Peraduan yang layak sebelum pengesahan dibuat. Syarikat juga berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pemenang yang gagal mengemukakan maklumat diperlukan selepas menerima notifikasi rasmi. Keputusan yang dibuat oleh Danone Specialized Nutrition adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
7. Setiap Pemenang yang dipilih hanya layak menerima satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh peraduan. Sekiranya seseorang peserta dipilih lebih daripada sekali, kelayakan hadiah tersebut akan diberikan kepada penyertaan seterusnya yang layak berdasarkan urutan penyertaan dalam sistem peraduan.
8. Keputusan yang dibuat oleh Danone Specialized Nutrition adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang bentuk pertikaian dan/atau aduan melalui apa jua medium tidak akan dilayan.

NOTIFIKASI PEMENANG

1. Pemenang akan ditentukan tiga (3) minggu selepas tamat Tempoh Peraduan. Pemenang akan dimaklumkan melalui pengumuman di Halaman Facebook Rasmi dan akan dihubungi melalui WhatsApp. Pemenang dikehendaki untuk mengemukakan maklumat peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama penuh seperti dalam NRIC, nombor telefon, dan alamat surat-menyurat. Setelah pengesahan maklumat oleh Danone Specialized Nutrition, pemenang akan disahkan sebagai Pemenang Rasmi, dan maklumat peribadi yang diberikan akan digunakan untuk tujuan penghantaran hadiah.
2. Sekiranya didapati mana-mana Pemenang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini, gagal untuk menandatangani dan memulangkan sebarang dokumen yang diperlukan dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam, memberikan maklumat palsu, atau notifikasi hadiah dikembalikan kerana gagal dihantar, maka pemenang tersebut akan dibatalkan kelayakannya.
Dalam keadaan ini, Danone Specialized Nutrition berhak sepenuhnya, mengikut budi bicara mutlak, untuk memilih penyertaan lain yang layak bagi menggantikan pemenang tersebut sebagai Pemenang Gantian.

TERMA AM

1. Semua Kandungan yang Dihantar untuk Peraduan ini akan menjadi hak milik Danone Specialized Nutrition sepenuhnya.
2. Sebarang visual hadiah yang dipaparkan dalam bahan promosi atau bahan di tempat jualan (point-of-sales materials) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta dan/atau Pemenang bersetuju untuk melepaskan Danone Specialized Nutrition, syarikat induk, subsidiari, pelesen, agensi pengiklanan, promosi dan pengeluarannya serta para pemegang saham, pengarah, pekerja, ejen dan wakil mereka daripada sebarang tuntutan, kerugian atau liabiliti terhadap kecederaan, kerosakan atau kehilangan kepada mana-mana individu atau harta benda yang berlaku secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan ini dan/atau penerimaan, pemilikan atau penggunaan hadiah, serta sebarang aktiviti berkaitan hadiah atau perjalanan ke/dari lokasi berkaitan peraduan.
4. Danone Specialized Nutrition tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan teknikal atau komputer, ralat, kehilangan data dalam apa jua bentuk, kehilangan atau gangguan sambungan Internet, kegagalan, ketidaklengkapan, atau kehilangan penghantaran komputer atau rangkaian, ketidakupayaan mengakses mana-mana laman web atau perkhidmatan dalam talian termasuk Halaman Facebook, atau sebarang ralat atau kerosakan lain, kelewatan, kehilangan, atau penyertaan yang tidak dapat dibaca atau salah arah, serta ralat percetakan dalam mana-mana iklan, borang penyertaan, atau peraturan.
5. Danone Specialized Nutrition berhak untuk meminda, menambah, atau memadamkan mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya, dengan notis melalui Halaman Facebook Rasmi atau mana-mana saluran lain. Terma dan Syarat ini akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi lain yang terkandung dalam bahan promosi yang mengiklankan Peraduan ini. Peserta dinasihatkan untuk merujuk Halaman Facebook Rasmi bagi sebarang kemas kini terhadap Terma dan Syarat ini yang akan berkuat kuasa serta-merta selepas pengumuman dibuat. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk sentiasa peka dan mengetahui sebarang perubahan terhadap Terma dan Syarat ini.
6. Danone Specialized Nutrition berhak untuk membatalkan, menukar, menyemak semula, menamatkan atau menggantung Peraduan ini tanpa notis terlebih dahulu atas sebarang sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada serangan virus komputer, gangguan, penipuan, kerosakan teknikal, atau sebarang punca lain yang menjejaskan pentadbiran, keselamatan, integriti atau kelancaran pelaksanaan Peraduan ini. Sekiranya Peraduan ini dibatalkan, ditamatkan atau digantung, Danone Specialized Nutrition tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, pampasan atau ganti rugi daripada mana-mana Peserta dan/atau Pemenang berkaitan dengan keputusan tersebut.
7. Kecuali seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ini, Danone Specialized Nutrition tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan atau kos termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan tambahan (out-of-pocket expenses) yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan penyertaan dalam Peraduan ini.
8. Danone Specialized Nutrition tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak akibat bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, wabak penyakit, pandemik, sekatan kerajaan, tindakan pihak berkuasa lain, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal, atau sebarang peristiwa lain di luar kawalan munasabah Danone Specialized Nutrition.
9. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap bersetuju untuk terikat dengan semua Terma dan Syarat ini.

NOTIS PRIVASI

1. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada Danone Specialized Nutrition untuk mengumpul, menggunakan, memindahkan dan memproses data peribadi yang diberikan oleh Peserta, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama Peserta, nombor NRIC, alamat, gambar, alamat e-mel, maklumat hubungan serta sebarang maklumat lain yang boleh mengenal pasti Peserta dan/atau anak-anak Peserta (secara kolektif dirujuk sebagai "Data Peribadi") bagi tujuan yang berkaitan dengan Peraduan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini ("Tujuan").
2. Danone Specialized Nutrition ingin memaklumkan bahawa Data Peribadi Peserta mungkin akan didedahkan kepada syarikat-syarikat sekutu Danone Specialized Nutrition yang beroperasi di dalam dan/atau di luar Malaysia serta mana-mana pihak ketiga yang dikehendaki oleh undang-undang atau bagi tujuan pelaksanaan Peraduan ini, termasuk penyedia perkhidmatan dan penyedia platform dalam talian yang berkaitan dengan Tujuan tersebut.
3. Peserta boleh memohon untuk mendapatkan akses kepada atau pembetulan Data Peribadi, atau mengehaskan pemprosesan Data Peribadi tersebut pada bila-bila masa selepas itu dengan menghantar permohonan bertulis kepada Pengurus Pemasaran – Danone Specialized Nutrition melalui e-mel di privacy.my@danone.com atau melalui telefon di 1800 38 1038. Sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan Data Peribadi hendaklah disalurkan kepada Danone Specialized Nutrition melalui kaedah yang sama.
4. Harap maklum bahawa Danone Specialized Nutrition perlu memproses Data Peribadi bagi tujuan yang dinyatakan. Tanpa pemprosesan tersebut, Danone Specialized Nutrition mungkin tidak dapat menerima dan/atau memproses penyertaan Peserta dalam Peraduan ini.